

Wanita anggap RM500 sebulan perkara biasa

Dalam situasi ekonomi tidak menentu, banyak aspek perbelanjaan yang memerlukan pertimbangan lebih wajar.

Ini termasuk kos bagi penjagaan kesihatan dan kecantikan wanita yang memerlukan bajet bulanan agak besar bergantung kepada jenis produk dan rawatan digunakan.

Bagaimanapun, lumrah wanita yang mahu kelihatan cantik dan menarik membuatkan mengeluarkan mereka tidak lokek mengeluarkan belanja untuk memenuhi keperluan mereka.

Begitu juga wanita di negara ini yang dianggarkan membelanjakan sebanyak RM3,600 hingga RM6,000 setahun bagi penjagaan kesihatan dan kecantikan diri.

Perbelanjaan berkenaan merangkumi pembelian produk penjagaan diri dan kulit, termasuk kos mendapatkan perkhidmatan dan rawatan di pusat-pusat kecantikan.

Begitupun, kos berkenaan hanyalah kadar biasa bagi orang kebanyakan, bergantung kepada jenama produk yang digunakan serta rutin perkhidmatan dan rawatan yang diambil.

Berbeza bagi pakej-pakej 'kayangan' yang tentunya melibatkan golongan wanita elit yang menecah sehingga lebih RM30,000 setahun.

Namun adakah inflasi ketika ini memberi kesan kepada perbelanjaan wanita bagi tujuan kesihatan dan kecantikan?

Adakah mereka terpaksa mengurangkan kos atau mengeluarkan kos lebih tinggi untuk mengekalkan rutin masing-masing.

Ikuti Laporan Khas oleh wartawan **NURHIDAYAH HAIROM** yang mengupas mengenai isu tersebut.

Golongan wanita di Malaysia pentingkan penjagaan kecantikan dan kesihatan

KUALA LUMPUR

Bergelar suri rumah, tidak menghalang Normairah Yuhanis Jamaluddin, 35, menyediakan bajet untuk penjagaan kesihatan dan kecantikan kira-kira RM500 sebulan.

Menurutnya, perbelanjaan berkenaan berpadanan dengan jenis produk yang digunakan dan juga rawatan berkala di pusat kecantikan.

Normairah berkata, rutin penjagaan kesihatan dan kecantikan sudah menjadi satu keperluan buat dirinya yang mula mementingkan penjagaan kedua-dua aspek tersebut sejak di universiti lagi.

"Pembelian produk penjagaan kulit sahaja mencecah sehingga RM250 sebulan. Ada juga produk yang tahan lebih sebulan.

"Itu tidak termasuk produk pembersihan diri asas, dan juga kos ke spa untuk rawatan muka.

"Saya juga memerlukan kos sehingga



NORMAIRAH



MUNIRAH



AZIERA



HAZWANI

RM400 untuk produk dan alat solek tapi ia boleh tahan selama tiga ke empat bulan," katanya kepada *Sinar Ahad* sambil menambah, sebagai wanita bertudung, dia juga amat mementingkan penjagaan kesihatan rambut.

Bagi pembantu penyelidik, Munirah Hanapiah, 31, kadar RM300 sebulan untuk membeli produk penjagaan kulit dan juga rawatan di pusat kecantikan adalah kos normal jika dia melakukan rutin tersebut pada bulan yang sama.

"Bidang tugas saya banyak terdedah kepada sinaran UV yang memerlukan saya menjaga kesihatan dan kecantikan.

"Jika tidak dirawat atau dijaga, ia boleh menyebabkan kesan iritasi pada kulit dan menjejaskan kesihatan untuk jangka panjang," tuturnya.

Sementara itu pekerja swasta, Aziera Azir, 31, memilih alternatif lain bagi me-

ngurangkan kos perbelanjaan.

Bagaimanapun, dia mengakui penjimatan yang boleh dibuat tidaklah begitu ketara.

"Ada beberapa jenis produk yang saya tukar apabila mendapati kesannya sama untuk manfaat diri saya namun boleh didapati pada harga lebih rendah.

"Namun jika melibatkan kos rutin rawatan seperti *facial*, saya tetap perlu keluaran belanja yang sama," kongsi Jurutera Runding, Hazwani Azahari,

29, pula berkata, dia tidak mengurangkan belanja bagi tujuan kesihatan dan kecantikan kerana menganggapnya amat penting.

Tambahan apabila kerjayanya melibatkan kerja luar yang banyak terdedah kepada persekitaran kotor.

"Persekitaran kerja saya yang terdedah kepada habuk dan kotoran adalah punca utama saya perlu buat rutin kecantikan.

"Tak kiralah ekonomi meleset atau tidak, rutin ini penting kepada semua wanita," katanya.

